

30 APR 1997

Profesor

RAKYAT AMERIKA DI MALAYA

ATHENS, Ohio, 30 April (Bernama) -- Nama Norman Parmer mungkin begitu asing bagi kebanyakan rakyat Malaysia, tetapi ahli sejarah Datuk Profesor Zainal Abidin Abdul Wahid mengingati beliau sebagai rakyat Amerika yang mempertahankan Malaysia semasa zaman "konfrontasi" dengan Indonesia dahulu.

Parmer yang ketika itu seorang profesor muda pengajian Asia Tenggara di Universiti Northern Illinois Dekalb, sedang menghadiri mesyuarat Pengajian Asia di New York pada tahun-tahun 60an. Parmer dan Cliff Wharton, bekas penolong setiausaha negara Amerika dan Pasifik bersama mempertahankan Malaysia apabila kritikan dibuat terhadap Malaysia oleh seorang ahli akademik Indonesia pada persidangan itu, kata Prof Zainal Abidin.

Kini seorang profesor bersekutu dan profesor sejarah (yang telah bersara) di Ohio University di sini, Parmer berusia 70an dan menggunakan alat bantuan mendengar. Beliau masih beristerikan Bess, yang ditemuinya di Kuala Lumpur 48 tahun lepas. Parmer yang merasai pengalaman tiga "darurat" mempunyai daya ingatan yang mengkagumkan mengenai pengalamannya sebagai pelajar kedoktoran di Cornell University dan membuat huraian mengenai dasar-dasar buruh penjajah di Malaya.

"Bess dan saya sedang dalam perjalanan memandu dari Kuala Lumpur ke Singapura pada tahun 1995. Di Air Hitam kami diberitahu polis 'tak boleh jalan' di situ. Kami kemudian ke sebuah balai polis untuk mendapatkan perlindungan, terdapat banyak beg-beg pasir dan mesin-gan di situ -- mereka seolah menjangkakan akan diserang. Tetapi oleh kerana Bess seorang wanita, dia tidak dibenarkan memasuki balai polis itu. Oleh itu kami ke sebuah hotel sementara pekerja -- bilik tidur di tingkat atas dan restoran di bawah -- dengan harga enam ringgit kami diberi sebuah bilik kecil. Kami mendengar bunyi tembakan malam itu dan pagi esoknya kami mendapat tahu daripada berita akhbar Straits Times bahawa peguam diraja telah ditembak.

Pada 1961, beliau kembali ke Malaya sebagai pengarah pasukan khidmat bakti pertama Amerika di Malaya, mengetuai sekumpulan 40 anggota sukarelawan.

Dalam bulan Ogos tahun itu, pada kira-kira pukul 3 petang, menurut Parmer beliau menerima pelawaan daripada pejabat Perdana Menteri menjemputnya dan sekumpulan sukarelawan ke kediaman Perdana Menteri.

Parmer mengimbas kembali saat itu, "selepas minum teh, Tunku (Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman) dan saya duduk di beranda dan beliau berkata banyak yang saudara telah lakukan untuk Malaya. Apa yang boleh kami lakukan untuk saudara? Saya memberitahunya bahawa kami memerlukan pengajar Bahasa Melayu (bagi Northern Illinois University di Dekalb) untuk mengajar Bahasa Melayu di kalangan sukarelawan itu. Beliau bertanya: "Banyak mana? saya jawab empat. Setuju katanya!"

Esoknya, Malay Mail menyiarkan berita bertajuk: "Malaya Beri Bantaun Teknikal kepada AS" -- kata Parmer tersenyum lebar.

Seorang daripada empat guru Bahasa Melayu itu ialah Prof Zainal Abidin, yang bertemu Parmer kembali di Ohio University semasa Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak merasmikan Persidangan keenam Tun Abdul Razak di sini baru-baru ini.

Parmer bagaimanapun kesal kerana tidak terus berhubungan dengan Tunku, "tetapi saya agak kecewa dengan Tunku yang begitu anti terhadap komunis. Tidak salah menjadi anti komunis, tetapi saya rasa beliau membuat kenyataan yang keras terhadap mereka di akhir kepimpinannya."

Mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Parmer

berkata: "Beliau pintar, bijak dan seorang yang berikhtiar. Beliau telah memberikan banyak keyakinan dan harga diri kepada rakyat Malaysia untuk menyaingi Britain dan Amerika.

"Kritikannya terhadap Amerika membuatkan saya menggigil tetapi sebahagian daripadanya adalah benar," katanya.

Parmer sedang menulis buku mengenai kesihatan dan penyakit di Malaysia, dari perspektif sejarah. -- BERNAMA

SH RON